

Murnizam Pengarah baharu UMSKAL

Labuan: Bekas Dekan Sekolah Psikologi, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Murnizam Halik (**gambar**) dilantik sebagai Pengarah UMS Kampus Antara-bangsa Labuan (UMSKAL) yang baharu.

Pelantikan bagi tempoh dua tahun hingga 2016 itu menggantikan Prof Madya Dr Ismail Ali yang dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS.

Murnizam, 42, anak kelahiran Petagas di Putatan, Sabah, mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Sacred Heart dan Sekolah Menengah La Salle, Kota Kinabalu.

Pada tahun 1990, beliau melanjutkan pengajian ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta Universiti of Hull (1997) dan Universiti Exeter Devon di United Kingdom (2003-2006).

Beliau ialah Ketua Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial UMS pada tahun 2008 hingga 2010 sebelum dilantik Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial UMS.

Kerja satu pasukan

Dr Murnizam berkata, beliau mahu semua pegawai, pensyarah dan kakitangan sokongan UMSKAL bekerja sebagai satu pasukan bagi



arah kecemerlangan dalam pendidikan dan kokurikulum serta sahsiah.

Katanya, selaras hasrat Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, beliau mengamalkan dasar pintu terbuka kepada semua warga UMSKAL untuk mengadakan perbincangan dalam usaha meningkatkan kualiti pengurusan universiti, pentadbiran, akademik dan prasarana pelajar.

“Saya mahu memastikan kesejahteraan warga universiti khususnya pelajar di samping pegawai, pensyarah dan kakitangan sokongan,” katanya selepas mengadakan pertemuan pertama bersama-sama pegawai kanan UMSKAL di Bilik Seminar, Bangunan Menara UMSKAL, baru-baru ini.